

Kewangan, krisis rumah tangga punca wanita kerja di usia senja

SHAH ALAM - Masalah tekanan perasaan dan krisis rumah tangga antara punca yang membelenggu jiwa kebanyakan wanita sehinggakan terpaksa membanting tulang empat kerat cari rezeki demi membantu ekonomi keluarga meskipun sudah memasuki usia senja.

Pengerusi Pertubuhan Aspirasi Wanita Malaysia (ASWA), Wan Azliana Wan Adnan berkata, realitinya ramai wanita termasuk bergelar ibu yang mengalami tekanan itu atas faktor kewangan, namun berbeza dari segi pengendalian stres mengikut situasi masing-masing.

"Ada yang berjaya menyembunyikan perasaan sebenar, tetapi sedar-sedar mereka telah mengambil tindakan drastik.

"Bukan mudah bekerja sepenuh masa dan kemudian pulang untuk menguruskan perihal rumah tangga serta anak-anak. Di sinilah peranan suami itu penting," katanya kepada *Sinar Harian*.

Wan Azliana yang juga seorang peguam berkata, terdapat wanita terpaksa memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga apabila suami atau bekas suami-culas menghulurkan bantuan dan gagal membayar nafkah walaupun mendapat perintah mahkamah.

Menurutnya, kategori ibu tunggal antara yang mencabar kerana diduga dengan proses perceraian lama dan pada masa sama perlu menanggung anak-anak sehingga mengganggu kestabilan emosi.

Sementara itu, Ketua Jabatan Pembangunan Manusia Dan Pengajian Keluarga, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Rojanah Kahar berkata, umur senja bukan titik penamat kepada bidang pekerjaan.

"Ada kalangan mereka yang bekerja kerana mahu mengelak rasa kesunyian, ingin berjiwa gembira kerana dapat berinteraksi dengan orang sekeliling dan berkongsi suka duka kehidupan.

"Kita tidak boleh menghalang mereka untuk terus bekerja atas pelbagai faktor seperti ekonomi (jaminan kewangan), berkemungkinan untuk mengelak kemiskinan, kepuasan diri dan menjaga kesihatan mental serta lain-lain lagi," ujarnya.

Menurutnya, selain kos sara hidup yang meningkat, kekurangan dana persaraan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selepas digunakan untuk pelbagai skim pengeluaran khas antara punca utama golongan itu terpaksa mencari wang di usia senja.

"Sedih juga kadang kala melihat golongan itu berada di premis-premis perbankan dan stesen minyak menjual makanan pada waktu lewat malam di mana sepatutnya mereka di rumah beristirahat dan beribadah," ujarnya.

SEMPENA
HARI IBU

LAPORAN
MUKA
DEPAN